

e-BULETIN JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN KE-67



“ Jiwa yang merdeka bukanlah bebas tanpa batasan, tetapi tunduk patuh kepada Sang Pencipta. ”

eISSN 2637-0077
9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4



MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka

Salam Kemerdekaan & Selamat Hari Malaysia

Isi Kandungan

- | | |
|--|----------------------------------|
| i. Kata Alu-aluan | 15 Apakah Pokok Kebangsaan Kita? |
| 01 Jiwa Merdeka | 18 Negaraku Malaysia |
| 02 Sedekad Tema Hari Kebangsaan Malaysia | 19 Tanah Airku Malaysia |
| 06 Kenali Tugu Negara Malaysia | 20 Harmony of Freedom |
| 08 Srikandi Kemerdekaan | 21 Erti Kemerdekaan |
| 11 Jejak Sejarah: Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang | 22 Pantun Nazam Anak Merdeka |

Sidang Redaksi

Penasihat
Dr. Nor Hanim Abd Rahman

Ketua Editor
Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Ts. Jamal Othman

Editor
Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

KENALI TUGU NEGARA MALAYSIA



Dibina pada
tahun 1966

Muniroh Hamat

Sebagai penghormatan kepada lebih 11000 perajurit yang gugur dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918), Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan semasa Darurat (1948-1960)

Sebagai penghormatan kepada lebih 11000 perajurit yang gugur dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918), Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan semasa Darurat (1948-1960), telah dibina sebuah Tugu Peringatan Negara atau dikenali juga sebagai Tugu Negara pada 8 Februari 1966. Terletak di ibu negara Kuala Lumpur berhampiran dengan bangunan Parlimen dan bersebelahan Taman Tasik Perdana.

Dibina pada tahun 1966, tugu tersebut berdiri setinggi 15 meter, diperbuat daripada gangsa dan direka oleh pengukir Austria, Felix de Weldon yang bertanggungjawab bagi Tugu Peringatan Perang USMC (USMC War Memorial) di Virginia, Amerika Syarikat. Tugu ini juga adalah arca berkumpulan yang tertinggi di dunia. Idea pembinaan tugu ini dizahirkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1960 setelah beliau melawat Tugu Perang Iwojima di Amerika Syarikat. Ianya terdiri dari satu kumpulan tujuh patung atau lembaga gangsa. Setiap satunya empat kali lebih besar dari saiz orang biasa. Perbelanjaan membinanya menelan belanja RM1.3 juta.

Patung-patung gangsa ini mewakili pelbagai cawangan pasukan keselamatan dan kesemuanya memakai pakaian seragam semasa dalam perang. Lembaga yang atas sekali tidak membawa senjata tetapi memegang sebatang tiang yang dihujungnya berkibar bendera Malaysia. Setiap patung gangsa tersebut juga melambangkan pimpinan, getir, persatuan, siap sedia, kekuatan, keberanian dan pengorbanan.

Bagi menambah keindahannya, dibina kolam separuh bulatan di sebelah kanan dan kiri tugu. Di dalam kolam itu, diletakkan bunga teratai yang diperbuat dari timah hitam dan putih dari Selangor dengan pancutan air yang sering bertukar warna. Tugu ini rosak sebahagiannya akibat diletup oleh pengganas komunis pada tahun 26 Ogos 1975.